

## Jalan Pala Permatang Tinggi ditutup

**B**UKIT MERTAJAM: Sebahagian Jalan Pala, Permatang Tinggi di sini, ditutup enam bulan mulai minggu lalu bagi memberi laluan kepada kerja pemasangan paip untuk pembinaan Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar.

Kontraktor projek itu, MMC-Gamuda Joint Venture (MMC Gamuda) dalam satu kenyataan, memaklumkan penutupan laluan itu akan dilakukan sehingga 14 April tahun depan.

Sehubungan itu, MMC Gamuda menasihatkan pengguna laluan itu menggunakan laluan alternatif di persimpangan Jalan Permatang Tinggi, Lorong Perindustrian Permatang Tinggi 1 sepanjang tempoh penutupan.

MMC Gamuda juga menyediakan pandu arah laluan alternatif dari Jalan Pala ke Jawi dan Alma serta dari Jawi, Alma, Butterworth dan ke Jalan Pala.

"Papan tanda juga disediakan bagi memudahkan pengguna jalan raya menggunakan laluan alternatif. Sepanjang tempoh penutupan itu, sebarang kesulitan amat dikesali," kata kenyataan itu.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan ataupun cadangan boleh menghubungi MMC Gamuda menerusi talian hotline 24 jam 1-300-80-1999.